



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## PERUTUSAN

**YANG BERTAMBAH  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA HARI SINDROM DOWN SEDUNIA 2023**

**21 MAC 2023**

**TEMA:  
“DENGAN KAMI, BUKAN UNTUK KAMI”  
(With Us, Not For Us)**

1. Pada tahun 1866, seorang doktor berbangsa Inggeris, Dr John Langdon Down, telah melaporkan pemerhatian beliau mengenai sekumpulan individu yang mempunyai persamaan dari segi pelbagai ciri-ciri fizikal dan simptom tertentu. Individu-individu tersebut telah diiktiraf sebagai mengalami sindrom yang sama, yang kemudiannya dinamakan sempena dengan nama Doktor John Langdon Down sendiri iaitu Sindrom Down. Hanya 93 tahun selepas itu iaitu pada tahun 1958, barulah pakar genetik dari Perancis iaitu Dr Jerome Jean Louis Marie Lejeune mendapati bahawa Sindrom Down adalah disebabkan terdapatnya kelebihan pada pasangan kromosom yang ke 21.
2. Akademi Sains Perancis kemudiannya menerbitkan dapatan saintifik ini pada 26 January 1959. Buat pertama kali dalam sejarah dunia, penemuan ini membuktikan bahawa kebolehan mental adalah

berhubungkait dengan kelainan pada kromosom setiap individu. Penemuan yang bersejarah ini merupakan titik permulaan bagi sebuah bidang penyelidikan yang amat menarik iaitu bidang *cytogenetics* yang sudah semakin canggih dan pada masa kini penyelidikan *cytogenetics* sudah membolehkan kita untuk mendiagnosis banyak lagi kondisi-kondisi lain.

3. Sindrom Down boleh dikenal pasti sama ada semasa seorang anak damit itu lahir atau pun semasa dalam kandungan. Walaupun tidak ada rawatan atau 'ubat' untuk membetulkan kesan gen kromosom 21 tambahan yang menyebabkan Sindrom Down, namun terdapat bermacam cara atau strategi untuk meningkatkan perkembangan individu Sindrom Down. Menurut Centre for Disease Control (US), di seluruh dunia, 1 daripada kira-kira pada setiap 700 ke 800 kelahiran anak damit adalah anak damit yang mengalami Sindrom Down.
4. Di Negara Brunei Darussalam, secara purata dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, kira-kira 10 orang anak damit dilahirkan mengalami Sindrom Down setiap tahun. Menurut data dari Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, terdapat kira-kira 415 orang individu Sindrom Down tersenarai di Pusat tersebut, yang mana 4 orang diantaranya dilahirkan pada tahun 1971.
5. Kita sekarang juga mengetahui bahawa terdapat banyak pendekatan yang telah terbukti boleh membantu kanak-kanak mencapai potensi diri mereka dengan sebaik mungkin. Ini termasuk:

- i. Penjagaan kesihatan yang berkesan;
- ii. Kemahiran ibubapa dalam pengasuhan anak;
- iii. Kehidupan keluarga yang positif;
- iv. Intervensi awal yang menyokong dan merangsang perkembangan sejak lahir; dan
- v. Pendidikan yang terbaik.

Dari segi penjagaan kesihatan, Kementerian Kesihatan sangat mengutamakan penjagaan kesihatan rutin dan *universal* bagi semua individu Sindrom Down, sepertimana yang diberikan kepada semua warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang lain nya.

6. Selain dari itu, Jabatan Pediatrik sentiasa berawas-awas apabila seorang anak damit Sindrom Down dilahirkan bagi mengesan seawal mungkin berlakunya sebarang komplikasi seperti masalah jantung, usus, pendengaran dan sebagainya. Apabila komplikasi seperti ini dikesan, rawatan awal akan diberikan seawal-awalnya sama seperti individu yang lain.
7. Perkembangan kanak-kanak Sindrom Down juga diberikan perhatian khusus. Kearah matlamat ini, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan bukan saja menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara *regular*, tetapi ianya juga memberikan pelbagai perkhidmatan bagi menyokong perkembangan awal kanak-kanak Sindrom Down.

Diantara perkhidmatan yang diberikan ialah:-

- i. khidmat nasihat perubatan;
  - ii. pemulihan tertentu termasuk pemulihan anggota;
  - iii. pemulihan cara kerja, pemulihan pertuturan;
  - iv. perkhidmatan psikologi;
  - v. perkhidmatan audiologi;
  - vi. guru bagi kanak-kanak kurang pendengaran; dan
  - vii. juga program perkembangan awal kanak-kanak dan perkhidmatan penjagaan pergigian.
8. Kementerian Kesihatan juga mementingkan pemantauan kesihatan khusus bagi individu Sindrom Down sepanjang hayat. Untuk tujuan ini, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak sedang giat menyediakan sebuah buku panduan dan senarai semak kesihatan yang boleh digunakan bagi kanak-kanak Sindrom Down sehingga ia mencapai umur remaja hingga ia dewasa. Kearah mencapai keberkesanan perkhidmatan yang diberikan, Kementerian Kesihatan amat menghargai kerjasama dan keterlibatan semua para ibubapa dan penjaga kanak-kanak Sindrom Down yang berkenaan.
9. Kita mengetahui bahawa hasil daripada penjagaan kesihatan yang semakin berkesan, jangka hayat individu Sindrom Down pada masa sekarang juga telah meningkat diseluruh dunia. Berbanding dengan beberapa dekad yang lalu, seseorang individu Sindrom Down sekarang boleh mencapai jangka hayat sehingga 60 tahun.

10. Tema Hari Sindrom Down Sedunia pada tahun ini adalah amat tepat iaitu - **“Dengan Kami, Bukan Untuk Kami”**. Tema ini menekankan betapa pentingnya kita mengambil kira hak asasi kesemua individu yang berkelainan upaya dan memberikan mereka peluang yang saksama bagi mencapai matlamat utama iaitu meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka.

11. Kesemua individu Sindrom Down khasnya dan individu berkelainan upaya adalah berhak untuk:

- i. dilayani dengan keprihatinan dan keadilan;
- ii. berganding bahu dan mengambil bahagian dalam kesemua aktiviti kehidupan bermasyarakat;
- iii. mendapatkan maklumat dan komunikasi;
- iv. mendapatkan hidup yang berkualiti tinggi;
- v. diberikan kebebasan untuk membuat pilihan dalam semua perkara yang melibatkan kualiti kehidupan, kebebasan dan martabat mereka; dan
- vi. dihormati dan dihargai diatas kesemua kebolehan dan pencapaian yang mereka ada dan perolehi.

12. Akhir sekali, Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Sindrom Down Sedunia kepada kesemua 415 keluarga besar individu Sindrom Down di Negara Brunei Darussalam ini. Sama-sama lah kita meraikan keunikan setiap individu Sindrom Down dan mensyukuri rahmat dan keberkatan yang mereka bawa kedalam kehidupan kita. Penjagaan kesihatan, perkembangan dan

kesejahteraan mereka adalah tanggungjawab kita bersama, dan apabila setiap individu Sindrom Down dapat menikmati kualiti kehidupan yang kita hasratkan, kita semua juga akan mendapat manfaat daripadanya.

**-TAMAT-**